

# PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI DAN RAMAH MESRA KG MALANGANG, KIULU

Seramai 23 orang pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial di bawah program Pendidikan dengan Sains Sosial dengan kerjasama pGURU telah bergabung tenaga menganjurkan Program Khidmat Komuniti dan Ramah Mesra bersama penduduk Kampung Malangang, Kiulu, Sabah pada 21 hingga 22 Mac 2009. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan pelajar SPPS yang terlibat dengan penduduk kampung, antaranya gotong-royong dan makan tengahari bersama. Penduduk kampung ternyata begitu gembira dengan kehadiran pelajar UMS yang sudi menganjurkan program seperti ini di kampung tersebut. Menurut ketua pengarah program khidmat komuniti ini, sdr. Muhamat Yunus Maidin, aktiviti ini telah membentuk mahasiswa yang berkepimpinan dan dinamik berorientasikan kecemerlangan selaras dengan moto UMS 'bertekad cemerlang' di samping mengeratkan silaturrahim pelajar dengan masyarakat.

